

31 MAR 2001

Tajol-PM

PM LAWAT PERAK JUMAAT DEPAN UNTUK TEMUI RAKYAT DAN PEMIMPIN UMNO

IPOH, 31 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mengadakan lawatan kerja dua hari ke Perak bermula Jumaat depan bagi menemui rakyat dan pemimpin Umno negeri, kata Menteri Besar Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali.

Katanya pada lawatan itu Perdana Menteri dijadual mengadakan pertemuan dengan anggota jawatankuasa Umno Bahagian Parit Buntar, Bagan Serai, Parit dan Beruas selain menghadiri jamuan bersama rakyat di tiga lokasi.

Dr Mahathir juga akan menyampaikan pesanan dan amanat kepada anggota Umno selain sesi dialog mengenai pelbagai isu dalam pertemuan yang diatitkan, katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Badan Perhubungan Umno Negeri di kediamannya, di sini malam tadi.

Menurutnya selepas mengadakan perjumpaan dengan anggota jawatankuasa Umno Parit Buntar dan Bagan Serai, Dr Mahathir dijadual menghadiri jamuan tengah hari bersama rakyat di Dewan Seri Kerian, Parit Buntar sebelum menunaikan solat Jumaat di Masjid Daerah Parit Buntar.

Pada sebelah petang, Dr Mahathir akan mengadakan pertemuan dengan anggota jawatankuasa Umno Bahagian Parit dan Beruas di Dewan Majlis Perbandaran Parit dan kemudiannya menghadiri jamuan teh bersama rakyat di tempat yang sama.

Beliau berkata pada malamnya Perdana Menteri akan berada di Ipoh untuk menghadiri jamuan malam bersama rakyat di Dewan Bankuet, Bangunan Perak Darul Ridzuan.

"Keesokannya, Perdana Menteri akan bersarapan bersama anggota Jawatankuasa Badan Perhubungan Negeri, Pergerakan Pemuda, Wanita dan Ahli Penaja Puteri Umno sebelum berlepas pulang," katanya.

Tajol Rosli berkata beliau berharap lebih ramai rakyat akan hadir dan bertemu Perdana Menteri pada program bertemu rakyat.

-- BERNAMA

KAY RHM